

04/01/2000

Projek bina jambatan diteruskan

Manzaidi Mohd Amin

PASIR MAS, Isnin - Projek pembinaan jambatan ketiga Pasir Mas-Kota Bharu yang dianggar menelan belanja kira-kira RM166 juta tetap diteruskan walaupun Barisan Nasional (BN) gagal membentuk kerajaan di Kelantan pada pilihan raya umum lalu.

Bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Ibrahim Ali, berkata pembinaan jambatan sepanjang 960 meter itu akan menghubungkan Kampung Tendong, Pasir Mas ke Wakaf Che Yeh di Kota Bharu.

Katanya, pelaksanaan projek itu bertujuan membuktikan kepada pemimpin kerajaan Pas Kelantan bahawa pemimpin Umno bukan daripada golongan munafik.

"Projek itu perlu dan akan diteruskan. Saya yakin pelaksanaan jambatan itu akan membuatkan pembangkang kehabisan modal untuk memutarbelitkan isu dan mengelirukan rakyat.

"Pembangkang suka menuduh kita (Umno) berbohong kalau kita tidak meneruskan sesuatu projek.

"Malah, mereka juga menganggap majlis peletakan batu asas oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini sebagai gimik politik semata-mata," katanya ketika ditemui di kediamannya di Taman Mimi, dekat sini, petang kelmarin.

Pembinaan jambatan empat lorong itu bermula awal November lalu dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh dua tahun.

Projek itu juga memiliki keistimewaan tersendiri kerana penzahirannya dikatakan bukan melalui peruntukan biasa dan tidak termasuk dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) yang sedang dilaksanakan.

Ibrahim yang juga Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno berkata, beberapa projek lain di bawah Rancangan Pelan Wawasan Pembangunan Pasir Mas bernilai kira-kira RM77 juta merangkumi pembinaan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Kelantan yang dianggar kira-kira RM1.5 bilion akan dikaji semula.

Malah, katanya, beberapa hari lalu Umno bahagian membuat keputusan membatalkan peruntukan berjumlah kira-kira RM300,000 yang baru diluluskan Kerajaan Pusat untuk projek pembinaan jalan kampung di Parlimen Pasir Mas.

"Baru dua tiga hari lepas kita terima peruntukan itu tetapi saya arahkan supaya dibatalkan. Bukan kita tak nak buat tetapi projek seperti jalan kampung adalah tanggungjawab kerajaan negeri... biar mereka buat," katanya.

(END)